Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): So, can I take it that we can now have our hands in our pockets?

Ahli Yang Mempengerusikan: As long as I sit in the Chair presiding. (*ketawa*).

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): So, to satisfy you I will speak without my hands in my pockets.

Now, the State Government also came in in order to help development. I understand that the squatters met with some problems of connecting water pipes into their respective houses, for which they had to pay. So an appeal was made, and it was considered. And assistance was also granted to each family of about \$150 which will be repaid by monthly instalments. So, as far as we can see here, there shouldn’t be any problems regarding this Rasa Sayang Hotel.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Soo Giap): Tuan Speaker, on a point of clarification.

I think, Sir, that the Rasa Sayang Management was connected with the

Prai Sugar Management for the construction of the Rasa Sayang Hotel. Before they asked the squatters to leave the area for the building of the Rasa Sayang Hotel they did make some promises as to the provision of water and electricity entirely free of charge to those families. But those promises were not carried out, with the end result that those families have to pay for their own installation of piped water and electricity. It is the Government’s contention that those people face no difficulties. In fact they faced with a lot of difficulties—promises made by developers were not fulfilled. What is the Government going to do with these developers?

Ahli Yang Mempengerusikan: Honourable Member from Tanjong Bungah, actually you made a statement. You cannot make a statement. You said you needed some clarification. We are in this House trying to get to the bottom of things; trying to correct things; trying to do the right thing wherever possible, so I allowed you to carry on. I thought you were going to ask him for some clarification.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): I think that will clear up the doubt you have in mind.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): There is no doubt.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): But there is another case where the Honourable Member for Bagan Ajam charged the Chief Minister for being a playboy (*gangguan*).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Playboy or playgirl?

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): I do not know if you are a playgirl.

. running all over the world.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): On a point of clarification.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): No, I will not entertain any more points of clarification

unless they are based on a point of order. He is a playboy. He is asking me questions.

Ahli Kawasan Ke'awei (Encik Yeap Ghim Guan): How do you know I am asking?

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): Well, you have been doing it.

So, if the Honourable the Chief Minister were to continue with this playboy style of spending then the State will go bankrupt one day. I would like to assure the House that the State Government will not go bankrupt. But I cannot assure the House that no Member in this House will not go bankrupt.

Ahli Kawasan Ke'awei (Encik Yeap Ghim Guan): Mr Speaker, Sir, di atas Peraturan. Is the Member indulging in personalities? Order 46. I am asking for a ruling. Under Standing Order 46 (xiii) a Member must not—

- (a) impute improper motives to any other Member;
- (b) make a personal charge against any other Member;
- (c) use offensive expressions;
- (d) indulge in personalities.

I know the Member for Tanjong Tengah has not through the very word expressed it; but he has through innuendos in this House. Is he saying that the Member for Bagan Ajam is bankrupt?

Ahli Yang Mempengerusikan: Honourable Member for Kelawei, you have asked me for a ruling; and my ruling is 'No'.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): That is the basis of what I am talking about.

Ahli Yang Mempengerusikan: You asked for a ruling under Standing Order 46 (xiii).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Then he is not imputing?

Ahli Yang Mempengerusikan: No, because what he said was that there is no guarantee that any Member of this House will not go bankrupt.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Including the Member for Tanjong Tengah. Oh, I see. Then it is alright.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): Including you also.

Now, surely when the Honourable Member for Bagan Ajam made a personal charge on the Honourable Member for Butterworth in his absence he was challenged to repeat it outside; but he said that he had no money to engage a lawyer to fight the case out. I am sure that he has two comrades who are members of the learned profession. And they can easily help him out if he dares to take up the challenge; of course, unless they would also ask money from him. So, I would consider that making a personal charge without substantiating it is a very bad habit in this House; and it should not be continued unchecked.

The Honourable Member for Kelawei has come to this House with a lot of accusations against Government for not doing this, and not doing that. And sometimes he may even charge us for not standing up to speak; and sitting down like dumb and deaf people. For this I would like to say that although he may be a member of the learned profession I agree that—and I also admit—he may be able to bluff and twist better than us.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): He is better over there.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): Surely I will not agree that he can speak the truth better than us.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): The records will show.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): Now, on the issue of the Dewan Sri Pinang, the Honourable Member for Jelutong says that he understands that the Lady Lawyers' Confederation will be using the Dewan Sri Pinang which the State Government has not allowed them to use free of charge. I understand that no reply has been given to them. And I do not know

how the Honourable Member for Jelutong gets this information, because it is still under consideration. And he also said that the Dewan Sri Pinang should be given free for charitable purposes. I think that is already being put into practice.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Dengan izin—clarification, if you are not afraid, (gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): No, I am not prepared. And I am not afraid. If you have got a chance you can take it.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): because you are misleading the House. The word was 'concession'; not 'free'.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): I am not misleading.

Ahli Yang Mempengerusikan: The Honourable Member for Kelawei, if you are not given the floor, please!

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): You don't listen well enough.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): Therefore you can see how the Honourable Members of the Opposition behave in this House. On one day they force a vote of 'No Confidence' on the Speaker, and condemn the Speaker like nobody's business, whereas one or two days later they tell the Speaker that they give him very great respect—the Honourable Member for Bagan Ajam.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): As a speaker.

Ahli Kawasan Tanjong Tengah (Encik Tan Gim Hwa): So, you see how hypocritical they are. And I would urge the Honourable Members of the Opposition to be more responsible, and to be more conscientious in delivering their speeches. They only come to this House to discredit the Government, in spite of the fact that we are trying to do our best for the State of Penang.

Finally, I would like to urge the Honourable Members both from the Government benches as well as the Opposition to think and work for the people of Penang rather than to play dirty tricks in this House. Thank you.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, saya bangun di sini (gangguan).

Ahli Yang Mempengerusikan: Jangan bubuh tangan di poket. Tidak apa boleh bubuh dua-dua (ketawa).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): untuk mengambil bahagian memberi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabenor yang telahpun memberi ucapan beliau dalam Majlis ini pada 21hb Mei, 1973. Sepanjang persidangan kita pada kali ini pihak Kerajaan telahpun mendengar ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Pembangkang, berjam-jam lamanya dan saya rasa sekarang ini adalah pula bagi pihak Kerajaan untuk menjawab segala hujah-hujah yang dibawa oleh pihak Pembangkang. Kami di pihak Kerajaan bercakap, dan pada masa Ahli-ahli pembangkang bercakap, mendengar dengan tanpa gangguan, di atas ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Pembangkang. Saya masih ingat lagi Ahli Kawasan Kelawei bercakap dalam usul yang serupa ini hari kelmarin, 3 jam, tidak ada seorang Ahli daripada Kerajaan mengganggu ucapan beliau.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Mana tak ada?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi saya rasa (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Rujuk kepada rekod.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, kalau kita seorang ahli politik biarlah kalau kita bercakap dan kita kata pada orang, tolong dengar apa pula orang

hendak kata pada kita. Jangan impatient. Jadi, kita patutlah adakan semangat beri dan ambil. Oleh itu, saya harap masa saya memberi ucapan ini tidak adalah Ahli-ahli Pembangkang yang cuba disturb sekiranya jika saya melanggar Peraturan 46 (ii) (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, 46 (ii): Yesterday he was disturbing me.

Ahli Kawasan Sungei Pinang (Encik S. P. Chelliah): Sedikit-sedikitlah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Interjection.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): You did yourself.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Ini hak istimewa.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, saya sungguh tertarik hati dan bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Gabnor bercakap iaitu masalah kemajuan dalam Negeri ini. Jadi, Tuan Yang Terutama bercakap dan memberitahu Ahli-ahli Dewan ini bagaimana kemajuan-kemajuan yang telah kita capai itu dibandingkan dengan masa-masa yang lepas dan masa sekarang dan masa yang akan datang. Inilah pokok ucapan yang telah dibuat oleh Tuan Yang Terutama Gabnor. Pada saya, Tuan Speaker, kemajuan-kemajuan yang dicapai di dalam Negeri ini adalah bergantung kepada tiga masalah pokok. Satu, kestabilan politik, yang kedua keamanan dalam Negeri, dan yang ketiga penyertaan rakyat dalam Negeri ini dalam rancangan-rancangan Kerajaan. Jadi, saya rasa inilah tiga pokok yang besar yang boleh dan yang telah diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor atas kejayaan Negeri ini. Saya suka membawa Dewan ini merenung di atas tiap-tiap satu perkara yang saya cakap ini, samada kemajuan-kemajuan yang kita buat itu bergantung kepada tiga aspek tadi. Satu ialah masalah kestabilan politik. Negeri kita dan juga Negara kita telahpun menghadapi Pilihanraya pada tahun 1969 di mana di dalam Pilihanraya itu

Parti Gerakan telah dipilih oleh rakyat terbanyak duduk dalam Dewan ini dan apakala Parti Gerakan Rakyat mendapat majority dan diminta menubuhkan Kerajaan di Negeri ini. Tetapi malangnya pada masa itu juga Negeri kita menghadapi sesuatu kekacauan dalam Negeri dan Undang-undang Darurat diisytiharkan. Berjalanlah keadaan darurat dalam Negeri selama beberapa lama dan sehingga pada bulan April tahun 1971 barulah Dewan ini dapat dipanggil dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat bersidang dan dapat hadir dalam Dewan ini dan boleh bercakap dan memberi pendapat-pendapat apa yang bersangkutan dengan rakyat Negeri ini. Kestabilan politik yang saya maksudkan, Tuan Speaker, ialah dalam masa keadaan darurat dalam Negeri kita dan Parti Gerakan mempunyai 16 orang wakil pada masa itu, saya rasa dan saya sendiri pada masa Dewan kita bersidang, mula-mula sekali dalam bulan April, saya membayangkan pandangan saya bahawa Parti Gerakan sendiri tidak begitu kukuh. Kita nampak ada keretakan. Jadi, dengan sebab itu, apa yang saya cakap itu telahpun berlaku dan bolehlah kita ibarat kalau macam kelapa setelah kita kukur atau setelah kita parut, jadi kita tapis, santannya, kita ambil dan hampas kita buang. Jadi, sekarang Parti Gerakan yang tinggal ialah pati, ialah santan tetapi yang keluar ialah hampas.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Lemak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Manakala berlaku perkara yang demikian itu dalam Negeri, saya rasa banyakkah kemajuan yang tidak boleh dibuat oleh sebab keadaan kestabilan politik Kerajaan sendiri tidak betul. Dan, perkara yang kedua ialah keamanan dalam Negeri. Saya rasa tidak ada suatu negeri dalam dunia ini dapat membuat kemajuan bagi rakyat negeri itu kalau sekiranya tidak ada keamanan. Dalam masalah ini saya rasa, saya bersetuju benar dengan Tuan Yang Terutama Gabnor memberi ucapan terima kasih kepada pasukan-pasukan keselamatan kita

samada Polis dan Tentera yang telah mengawal Negeri ini sebagai aman dan dapat menjalankan segala rancangan Kerajaan. Perkara yang ketiga ialah penyertaan rakyat. Penyertaan rakyat inilah satu masalah yang besar. Kalau sekiranya pihak Kerajaan membuat segala rancangan untuk faedah mereka tetapi kalau rakyat sendiri tidak dapat menerima akan hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak Kerajaan, ataupun kemajuan-kemajuan yang dibuat oleh Kerajaan, saya fikir tidaklah dapat juga kemajuan yang kita kehendak. Jadi, hari ini, terpulang pada kita semua, terutama sekali, Ahli-ahli dalam Dewan menerangkan kepada rakyat bagaimana patut penyertaan rakyat di atas kemajuan yang berlaku dalam Negeri ini yang patut disambut oleh rakyat sekalian.

Saya, Tuan Speaker, bersetuju benar dengan Ahli daripada Kawasan Kelawei dan juga Ahli daripada Bagan Ajam, bahawa kita, yang datang ke sini ialah mempunyai tanggungjawab masing-masing. Saya bersetuju, kita mempunyai tanggungjawab. Kita dipilih oleh rakyat, duduk dalam Dewan ini samada bagi pihak Pembangkang atau pihak Kerajaan. Kita mempunyai tanggungjawab. Dan, dalam masaalah ini saya rasa rakyat memilih seseorang itu bukanlah dikira daripada qualification atau kelulusannya tetapi rakyat memilih seseorang itu setakat mana sanggup orang itu mengorbankan dirinya dan memberi jasa dan perkhidmatan kepada rakyat yang dia wakili. Jadi, saya rasa tidak timbul masaalah kalau saya jadi lawyer, baru saya boleh duduk di sini sebagai wakil rakyat.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Siapa cakap itu, awak sahaja.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Don't interrupt.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tak usah itulah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Datuk Speaker, itulah keadaannya. Itulah sifatnya

wakil rakyat yang terdiri daripada DAP. Tiga jam kita duduk di sini dengar ucapan beliau kelmarin, tiada seorang yang mengganggu, tetapi hari ini, bila kita hendak bercakap, dia ganggu dan suka menghabiskan masa di Dewan ini tidak tentu fasal dan tidak tentu perkara.

Saya, Tuan Speaker, tidak faham bagaimana kehendak Ahli-ahli daripada Pembangkang dalam masaalah mentadbirkan Negeri ini. Sebab yang saya kata begitu kerana Ahli-ahli Pembangkang bila datang ke dalam Dewan ini selalu mengkritik Kerajaan tidak buat kerja dan tidak membuat sesuatu ataupun tidak buat cukup untuk rakyat. Tetapi bila di luar segala kerja dan usaha yang dibuat, selalu dibuat, dicaci dan dicondemn. Jadi, di manakah kedudukan yang sebenar? Apa pihak Pembangkang? Ini Ahli Pembangkang, bila datang ke Dewan ini selalu mengatakan bahawa Kerajaan buat tidak cukup kepada rakyat tetapi di luar apa yang dibuat oleh Kerajaan selalu menjadi halangan dan menjadi sekatan kepada mereka. Contohnya saya suka bawa perhatian Dewan ini iaitu kita di Pulau Pinang ini sangat kurang tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan jadi kalau saya tidak silap Kerajaan memiliki tanah ialah sebanyak 13 ribu ekar lebih dalam Negeri ini. Jadi, dalam 13 ribu ekar, banyak tanah-tanah ini yang kita tidak boleh guna sebab ada tanah paya dan juga ada tanah bukit yang kita tidak boleh guna untuk kemajuan. Jadi, sekarang kita hendak buat kemajuan apa-apa yang mesti kita buat sekarang kita terpaksa kena ambil tanah-tanah yang dimiliki oleh rakyat untuk Kerajaan mengadakan pembangunan-pembangunan dalam Negeri ini. Tetapi, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau kelmarin, bercakap bahawa Kerajaan ini sebagai "lintah darat moden"—mengambil tanah rakyat dan dijual pula tanah itu kepada industri-industri, kapitalis-kapitalis. Jadi, saya rasa masaalah ini patutlah Ahli-ahli Pembangkang sekalian dapat faham dan kalau sekiranya mereka itu tidak faham patutlah

mereka mengambil ataupun menanyakan pihak Kerajaan. Janganlah membawa perkara salah faham ini kepada rakyat. Masaalah ini ialah sekarang Parti Pembangkang menyalah-gunakan sesuatu perkara yang dibuat oleh Kerajaan dan mengelirukan rakyat di luar Dewan ini. Jadi, dalam masaalah ini juga Kerajaan pada masa mengambil tanah-tanah ini digunakan sebagai tapak perindustrian dan juga tapak-tapak bangunan untuk tujuan khas Kerajaan, saya rasa ada kalanya dan boleh jadi selalu berlaku dalam Negeri ini tanah-tanah itu diduduki oleh orang ataupun diduduki oleh penduduk yang mempunyai tanah itu beberapa lama. Tetapi, pihak Kerajaan tidaklah zalim sebagaimana yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Pembangkang. Pihak Kerajaan tidak sezalim itu, sebagaimana yang telah dibayangkan oleh pihak Pembangkang tadi. Sebab, kalau kita mengambil harga tanah-tanah itu dan ada penduduk di atas tanah itu, kita cari tanah, kita bagi mereka duduk tanah yang lain dan pada hasrat mereka tanah-tanah yang diberikan baru-baru ini kepada mereka akan di alienated-kan atau diberi geran kepada mereka itu dan selain daripada itu Kerajaan telah menawarkan dan memberi saguhati yang berpatutan.

Saya suka membawa kesatu pandangan dalam Dewan berkenaan masaalah airport—masaalah Lapangan Terbang di Bayan Lepas. Dan, mengikut Ahli daripada Kawasan Kelawei dia kata patut mahu siap sebelum Pata Conference, sebelum Persidangan Pata.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Extension.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Yalah extension. Airport yang ada sekarang ini patut siap. Kalau tidak begitu faham Bahasa Kebangsaan tidak usah campur.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Saya ingat awak pun tidak berapa faham.

Ahli Yang Mempengerusikan: I think the Honourable Member will have interjection not up to the point of interruption.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Itulah politician yang bagus Tuan Speaker. Suppose to be yang bagus. Jadi, airport ini, saya rasa, dalam tahun lepas, barulah kita dapat tahu sebab ini ialah di bawah kawalan dan penguasaan Kerajaan Pusat. Apa yang Kerajaan Negeri tahu pada tahun sudah Kerajaan Pusat sudahpun dapat pinjaman daripada Asian Development Bank sebanyak \$50 juta wang kita. Dan apa yang saya dapat tahu Kerajaan Pusat juga akan membelanjakan selain daripada itu sebanyak \$23—juta lagi di atas sambungan landasan yang ada sekarang ini. Yang menjadi masaalah kalau sekiranya pembesaran lapangan terbang yang hendak dielakkan ada lebih kurang 200 rumah yang akan terlibat di atas pembesaran lapangan terbang ini. Inilah sekarang, ini yang menjadi tugas Kerajaan Negeri di manakah kita hendak mencari dan menempatkan orang-orang yang sekarang ini terlibat dengan pembesaran lapangan terbang. Jadi, manakala Kerajaan Negeri bertindak dalam masaalah ini kita harap Ahli-ahli daripada Pembangkang tidaklah ambil issue ini sebagai satu issue untuk dibawa dalam Dewan ini dan kita pindahkan (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Kalau adil, kalau adil. Kalau tidak adil tentu mahu mengambil di sini. Kita tidak boleh jamin.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Siapa yang bercakap Tuan Speaker? Saya minta ruling.

Ahli Yang Mempengerusikan: Saya sudah kata ada interjection tidak apa, jangan interruption. Jikalau interruption lagi saya tahulah sebagai Speaker mengambil tindakan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Terima kasih. Jadi, kita akan memindahkan penduduk-penduduk yang akan terlibat di atas tanah yang di mana Lapangan Terbang Bayan Lepas ini akan diperbesarkan dan kita harap pihak-pihak pembangkang tidak akan menggunakan issue ini sebagai satu issue politik yang kotor

dan buruk. Begitu juga lain-lain tempat, Tuan Speaker. Dalam masaalah Kerajaan mengambil tanah-tanah untuk dijadikan tapak-tapak perusahaan di dalam Negeri ini banyaklah Ahli-ahli politik menggunakan kesempatan pemindahan orang-orang yang ada di atas tanah itu kepada modal politik mereka. Kita tahu masaalah politik ini. Masaalah yang begini selalu dijadikan modal di mana sekarang ini pula berhampiran dengan Pilihanraya yang akan datang. Jadi, ini semua masaalah-masaalah yang macam ini menjadi satu issue yang hendak menaikkan seseorang dan juga menaikkan sesuatu parti. Tetapi sebagai seorang yang duduk dalam Kerajaan yang bertanggungjawab, terutama sekali, bagi kawasan di mana saya wakil perkara-perkara yang macam ini selalu diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang saksama.

Berbalik kita, Tuan Speaker, atas masaalah pekerjaan-pekerjaan atau penganggur-penganggur yang ada dalam Negeri ini di mana Tuan Yang Terutama Gabenor dalam memberi ucapan beliau, saya rasa, dalam Negeri kita ini sekarang menghadapi 2 masaalah. Masaalah yang pertama, bagaimana yang diterangkan oleh Tuan Yang Terutama Gabenor iaitu berkenaan dengan keadaan kedudukan penganggur-penganggur yang ada dalam Negeri ini. Dalam tahun 1969, Negeri kita mempunyai penganggur-penganggur yang hampir-hampir 40 ribu orang dan tiap-tiap tahun juga murid-murid kita yang keluar daripada sekolah lebih kurang 7 ribu tiap-tiap tahun bertambah dan ini menjadi masaalah yang besar kepada Negeri ini, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan atau memberi pekerjaan kepada pemuda-pemudi kita. Sekarang ini masaalah pengangguran ialah satu masaalah yang besar bagi Negeri kita kalau sekiranya Kerajaan tidak mengambil satu-satu usaha dan daya untuk menyelesaikan masaalah ini. Sebab apa, Tuan Speaker, 14% hingga 16% penganggur-penganggur yang tidak bekerja kepada satu negeri sangat bahaya sebab-sebab bukan sahaja penganggur-penganggur ini akan pergi ke Parti Pembangkang

yang boleh bercakap sahaja, boleh membuat janji tetapi orang-orang ini boleh pergi dan membuat sesuatu yang boleh merosakkan ketenteraman Negeri kita. Jadi walaubagaimanapun, Kerajaan kita terpaksa berusaha dan berikhtisar bagi menyelesaikan masaalah ini kalau tidak dapat kita menyelesaikan semua sekali tetapi mengurangkan angka 14% atau 16% ini. Itulah Kerajaan kita berusaha dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam bercakap menyelesaikan masaalah pengangguran, mestilah bukan diserahkan kepada badan-badan swasta sahaja, tetapi Kerajaan mestilah mengadakan beberapa peluang bekerja yang boleh kita menyelesaikan atau boleh kita hapuskan masaalah pengangguran ini. Saya fikir kalau kita serahkan semua penganggur kita yang ada dalam Negeri kita sekarang ini; kalau akhir tahun 1969 ada 39,000; kita campur lagi dengan 4 tahun yang keluar dari sekolah sekarang ini 28,000 lebih kurang ada 67,000—kalau kita bawa 67,000 penganggur yang ada di dalam Negeri ini bekerja di dalam jabatan-jabatan Kerajaan, saya fikir tidak ada suatu jabatan yang boleh menerima orang-orang ini. Kalau kita hendak bagi jadi Policemen, misalnya, tidak ada orang yang polis hendak tangkap. Semua polis yang ada dalam Negeri ini. Dan kalau hendak jadi kerani tidak ada perkara yang hendak ditulis dan dibuat oleh kerani yang 67,000. Jadi pihak Kerajaan tentulah tidak dapat menyesuaikan semua pemuda-pemudi kita yang 67,000 kepada pekerjaan yang diberi oleh Kerajaan.

Jadi, kita terpaksa mengadakan beberapa peluang pekerjaan iaitu pihak-pihak swasta menggalakkan pihak-pihak swasta tolong, khususnya, membuka kilang-kilang dan sebagainya. Inilah satu jalan yang kita boleh selesaikan masaalah pengangguran ini. Bila kita selesaikan masaalah pengangguran ini iaitu satu masaalah yang besar timbul pula satu masaalah. Adakah orang-orang yang kita beri kerja dapat cukup gaji mereka? Ini satu masaalah lagi. Sekarang dua masaalah ini yang mana kita hendak menyelesaikan dahulu. Masaalah menghapuskan pengangguran

dalam Negeri inni patut kita selesaikan dahulu atau hendak menyelesaikan masaalah gaji pekerja-pekerja yang ada di sini? Sebagai Kerajaan yang mana patut kita selesaikan dahulu? Saya rasa patut kita selesaikan masaalah tidak ada kerja—orang-orang yang tidak ada kerja dalam Negeri ini dahulu. Selepas mereka ini dapat kerja dan masaalah gaji mereka juga selesai, barulah kita pergi pula kepada pihak Swasta ataupun baru dapat kita betulkan. Saya rasa beginilah juga keadaannya yang dibuat oleh negeri-negeri yang maju yang ada hari ini dalam dunia. Misalnya kalau kita ambil contoh—Hong Kong ataupun Singapura yang dekat, begitulah keadaannya pada masa dahulu Singapura pun mengalami keadaan yang begini macam kita sekarang. Tetapi setelah pekerja-pekerjanya mendapat kerja dan segala industri dan perusahaan datang ke Singapura hari ini, semua boleh kita kata cukup pekerjaan. Pada masa itu pekerja-pekerja sendiri dapat membetulkan keadaan kehidupan mereka dan keadaan gaji mereka. Dan kita percaya ini berlaku dalam Negeri kita. Dalam Pulau Pinang akan berlaku masaalah semacam ini, yang saya tahu hari ini saya boleh tunjuk satu contoh. Masa dahulu senang kalau kita hendak cari gadis-gadis misalnya bekerja di rumah-rumah sebagai tukang masak. Tetapi sekarang ini susah hendak dapat kerana semua gadis-gadis itu pergi bekerja di kilang-kilang yang ada di Bayan Lepas. Jadi sekarang ini kita dapat tahu kilang-kilang di Bayan Lepas itu tidak cukup pekerja-pekerja perempuan atau pekerja-pekerja wanita dan curi pula di antara satu kilang dengan satu kilang, lama kelamaan terpaksa kilang-kilang itu sendiri akan naikan gaji kerana berkehendakkan pekerja-pekerja untuk menjalankan perusahaan mereka dan akhirnya dengan sendiri masaalah itu selesai. Apa yang hendak kita usaha, apa yang diusahakan oleh Kerajaan dan dapat sokongan daripada parti-parti Pembangkang ialah berapa banyak yang boleh kita tarik industri-industri atau pengusaha-pengusaha untuk datang ke Negeri kita memberi peluang kepada pekerja-pekerja. Itulah yang mustahak

saya rasa, apa yang betul kita jalankan. Tetapi kalau ada Pembangkang bercakap menakut-nakutkan pengusaha-pengusaha datang ke Negeri ini, saya rasa itu adalah satu usaha bukan sahaja hendak bagi Kerajaan Negeri ataupun hendak menolong Kerajaan Negeri, tetapi adalah nak melihat banyak lagi pemuda-pemudi kita tidak dapat kerja. Adakah itu satu usaha yang jujur atau satu usaha yang baik. Itu saya hendak tanya Pembangkang-pembangkang se-kelian.

Sekarang, Tuan Speaker, timbul pula masaalah terutama sekali dalam Pulau Pinang ini sendiri pekerja-pekerja kita, pemuda-pemuda yang kurang mendapat peluang pekerjaan. Sebelah wanita itu boleh kita kata, kalau tidak dapat boleh bagi semua pun saya fikir dalam 70% atau 80% kita dapat memberi peluang kepada mereka. Tinggallah sekarang masaalah pemuda-pemuda kita yang tidak ada kerja. Apa yang dibuat oleh Kerajaan sekarang, saya tahu melalui Perbadanan Kemajuan Negeri ialah Kerajaan sekarang berusaha mencari industrialist-industrialist yang datang ke Negeri ini yang boleh dapat menggunakan tenaga-tenaga laki-laki yang datang ke sini. Saya dapat tahu ada beberapa banyak industrialist ataupun pengusaha-pengusaha kilang yang datang ke sini kerana hendak membuka kilang tetapi yang hendak memakai tenaga wanita, kita telahpun suruh pergi ke lain-lain negeri. Apa yang kita hendak sekarang di Pulau Pinang ialah pengusaha-pengusaha yang boleh datang membuka kilang di sini menggunakan tenaga laki-laki. Kita harap dengan usaha, dengan cara yang kita buat begini pemuda-pemuda tidak berapa lama akan datang, pemuda-pemuda kita yang ada dalam Negeri ini akan dapat bekerja sebagaimana juga rakan-rakan mereka daripada kaum wanita.

Tuan Speaker, ada satu perkara yang saya suka menarik perhatian Dewan ini, iaitu Ahli-ahli daripada parti Pembangkang ada menyebut Kerajaan, ataupun ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor itu boleh kata selalu diulang-ulang dalam sesuatu perkara. Misalnya projek mushroom dan lain-lain lagi. Saya rasa

masaalah ini sebagaimana yang saya terang tadi Kerajaan dalam membuat ucapan ataupun Tuan Yang Terutama Gabnor dalam membuat ucapan itu, beliau selalu membandingkan projek-projek ataupun kejayaan-kejayaan yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun yang berikut itu dan di samping itu beliau terpaksa membandingkan apa yang telah dijalankan di tahun-tahun yang lepas dan apa yang dibuat di tahun yang akan datang. Jadi saya rasa lagi satu masaalah yang dihadapi oleh Tuan Yang Terutama Gabnor ialah masaalah dalam Negeri kita ini kalau kita tengok dalam Perlembagaan, tidak ada banyak benda yang boleh dicakup padalannya perkara-perkara itu berlaku dan dibuat dalam Negeri kita. Misalnya macam sekarang, Police Station, Post Office, Clinic, Hospital, Tuan Yang Terutama tidak dapat bercakap benda-benda itu semua sebab itu bukanlah kuasa negeri tetapi adakah benda-benda itu tidak berlaku? Tidak dijalankan dalam negeri? Saya rasa ada dibuat dalam negeri yang tidak dapat dicakup dan diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor. Jadi Tuan Yang Terutama Gabnor bercakap dalam Dewan ini atau memberi tahu kepada Dewan ini dan kepada rakyat dalam Negeri ini atas hak-hak yang ada dalam kuasa Kerajaan Negeri sahaja. Tuan Speaker, saya tertarik hati dengan beberapa orang Ahli daripada Pembangkang juga bercakap dan kalau kita tidak lupa, pada masa Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Ayer Itam membawa Usul pindaan beliau kepada Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli daripada Permatang Pauh ada menyebut bahawa Kerajaan tidak mengambil perhatian yang berat tentang kenaikan harga barang-barang yang ada dalam Negeri ini. Saya rasa kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat membaca ucapan Tuan Yang Terutama betul-betul, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat itu tentulah dapat faham bahawa kedudukan harga barang-barang yang ada dalam Negeri kita ini tidaklah dipandang begitu sepi ataupun tidak diambil tahu oleh Kerajaan Negeri ini. Sebagai yang telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua

Menteri dalam masa soal-jawab kelmarin, kita telahpun mengambil beberapa tindakan untuk menurunkan harga barang-barang yang ada, terutama sekali barang-barang yang menjadi keperluan kita hari-hari. Dalam memperkatakan soal ini saya rasa harga barang-barang ini, bukanlah sahaja tugas Kerajaan tetapi saya rasa terutama sekali kalau kita ambil contoh misalnya beras, kita tahu betul-betul beras yang ada dalam Negeri kita ini walaupun tidak mencukupi untuk keperluan dalam Negeri kita, tetapi hampir-hampir 90% pengeluaran kita cukup untuk digunakan atau untuk dimakan oleh rakyat Negeri ini. Tetapi apa yang menjadi masaalah sekarang ialah pada saya, saya nampak satu ialah saudagar-saudagar kita ataupun peniaga-peniaga kita yang ada di dalam Negeri ini setengah-setengahnya tidak bertanggungjawab menggunakan masaalah ini mencari keuntungan dengan seberapa banyak yang boleh. Jadi kalau boleh, kita dalam Dewan ini merayu supaya saudagar-saudagar janganlah cuba mendapatkan keuntungan yang banyak dan gunakan masa yang begini untuk mencari untung yang lebih.

Tuan Speaker, kalau Ahli-ahli Dewan sekalian membaca ataupun menilik kepada ucapan yang telahpun dibuat oleh Tuan Yang Terutama, ia itu berhubung dengan perkara yang telahpun dibawa dan dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli terutama sekali Ahli daripada Kawasan Kelawei dan juga Ahli daripada Kawasan Ayer Itam, saya rasa Dewan ini dan juga rakyat Negeri ini patutlah berhati-hati dalam masaalah ini. Saya nampak kedua-dua Ahli Dewan ini pada masa mereka ini bercakap dalam Dewan, mereka boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan baik. Tetapi selalu, dan kita tengok, saya sendiri perhati, bila datang kepada UMNO sahaja baharulah bercakap Bahasa Kebangsaan tetapi fasal yang lain-lain tidak bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Saya tidak tahu apa sebab maka hanya ada Bahasa Kebangsaan itu untuk UMNO atau untuk rakyat yang ada dalam Negeri ini. Jadi saya nampak

dalam Dewan ini ada perkara-perkara yang mengenai UMNO bercakap dalam Bahasa Kebangsaan tetapi bukan yang mengenai UMNO bercakap dalam Bahasa Inggeris. Adakah—saya tanya lagi sekali—Adakah UMNO sahaja atau adakah rakyat Negeri ini?

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker, dengan izin.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Izin apa?

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Clarification.

Ahli Yang Mempengerusikan: Benarkah Ahli Yang Berhormat itu beri Clarification?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tidak payah Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Dia sudah minta satu soal, tetapi sekarang kita mahu minta clarification dia cakap tidak boleh. Tak apa, tidak berani tak apa.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Bukan tidak berani.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Cakap sahajalah, tunjuk sahajalah, bukan berani dengar clarification.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, saya telah benarkan beliau bercakap tiga jam kelmarin dengan tidak ada gangguan (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Adakah minta satu soal?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Boleh jawab masa lain.

Ahli Yang Mempengerusikan: Sila teruskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi masalah ini Tuan Speaker, dan saya nampak terutama sekali Ahli daripada Kawasan Kelawei beliau ini cuba menjadi juara

kepada semua masalah. Jadi saya nampak dalam attitude ataupun dalam sikap yang dibangkit ataupun yang dibawa oleh Ahli Kawasan Kelawei, beliau ini cuba membawa satu-satu perkara itu, memburukkan satu-satu perkara itu bukanlah kepada Kerajaan seluruhnya tetapi ditumpukan kepada Ketua Menteri, ditumpukan kepada Ahli Kawasan Bayan Lepas, dan ditumpukan kepada semua Ahli-ahli Kawasan yang ada dalam Kerajaan. Saya fikir masalah ini, masalah politik yang macam ini saya rasa tak usah dibawa ke dalam Dewan ini, kalau hendak dikritik ataupun kalau hendak dikritikkan masalah-masalah yang berlaku dalam pihak Kerajaan, lebih baiklah disebut pihak Kerajaan, tidak usah tuduh satu-satu orang yang ada dalam Kerajaan. Jadi saya fikir kalau hendak menunjukkan masalah dalam Dewan ini, biarlah bercakap tunjukkan masalah besar-besar. Sebab kita dalam Kerajaan ini adalah Kerajaan yang telah disokong oleh semua, tanggungjawab semua orang bukan tanggungjawab seorang. Beliau, Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Kelawei bawa banyak masalah yang saya rasa kalau kita hendak kutip satu-persatu dan hendak menjawab satu-persatu dalam Dewan ini, saya rasa tentulah mengambil masa sebab beliau telahpun bercakap dalam Dewan ini selama tiga jam kelmarin. Jadi saya rasa, saya sendiri rasa ada juga di antara ucapan-ucapan yang dibuat oleh beliau itu saya sendiri bersetuju (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Baik.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tetapi yang saya bersetuju itu menjadi syak-wasangka. Adakah apa yang dicakap itu betul-betul keluar daripada hati, keluar daripada hasrat yang betul-betul jujur, yang betul-betul jujur. Kalaulah segala yang diucapkan yang saya bersetuju itu keluar betul-betul daripada hati dan perasaan yang jujur, saya rasa itu satu kebaikan bagi Negeri kitalah. Satu kebaikan bagi Negeri kita. Walaupun banyak daripada

bahagian-bahagian ucapannya yang saya tidak bersetuju, yang saya kata ini yang sedikit yang saya bersetuju itu yang menjadi soal, yang menjadi syakwasangka kepada saya, samada keluar ucapan itu daripada hasrat dan jiwa, fikiran yang betul-betul yang terbit secara ikhlas. Misalnya satu contoh saya ambil, ialah masalah dasar ekonomi baru Kerajaan—dasar ekonomi baru Kerajaan, bila bercakap fasal dasar ekonomi baru Kerajaan ini beliau mengubah daripada ucapan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Kita bersetuju mesti buat itu, sebab apa—itu mengikut dasar ekonomi baru (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Tuan Speaker, dengan izin. Do you mind if I clarify on your misleading statement?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): You can clarify later on.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Now, because you are misleading the House. Have I ever mentioned one word New Ekonomi Policy. Please look up the record before you mislead the whole House. Mr Speaker, I think you also were here (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, siapa mahu cakap Tuan Speaker? Saya seronok, bila ada orang kacau lagi bagus, saya lagi seronok lagi banyak peluang saya bercakap, lagi banyak Ahli Kelawei disturb ataupun kacau saya lagi banyak peluang saya boleh bercakap. Lagi banyak perkara saya boleh hentam dia.

Jadi Tuan Speaker, dalam masalah ini, macam masa saya kata tadi Tuan Speaker, adakah beliau ini betul-betul jujur? Betul-betul jujur dan begitu juga dalam masalah penggunaan Bahasa Kebangsaan yang bercakap tentang masalah P.D.C. memilih "PDC" sebagai lambang, sebagai tanda P.D.C. Jadi saya suka menarik perhatian—bahawa Kerajaan sentiasa, terutama sekali Kerajaan Campuran yang ada hari ini dalam Negeri ini, kita sedar

bahawa keadaan ekonomi orang-orang atau bumiputera yang ada dalam Negeri ini, terutama dalam Pulau Pinang ini sangat merosot jika dibandingkan dengan lain-lain rakan-rakan kita yang ada dalam Negeri ini. Satu contoh saya ambil—sekarang ini kalau dicampurkan semua modal orang-orang bumiputera yang ada dalam Negeri ini tidak dapat bertanding dengan satu orang rakan kita yang lain, modal satu rakan kita yang lain. Saya fikir Ahli Kawasan Kelawei tidak faham apa yang saya bercakap ini (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Saya ingat awak pun tidak faham.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Saya ulang lagi sekali.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Lagi sekali, kita sini pun tidak faham.

Ahli Yang Mempengerusikan: Please don't interrupt anymore Honourable Members.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Fasal apa saya tengok muka Ahli Kelawei itu berlainan daripada biasa.

Tuan Speaker: If Honourable Members insist on interrupting then I think we may have to take a less humorous attitude. We have been having quite a pleasant atmosphere up till now in this House. Just keep it that way. Don't let it deteriorate. This is something we don't want.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Terima kasih, Tuan Speaker, saya ulang lagi sekali. Apa yang saya katakan tadi, kalau kita campur semua modal-modal yang ada kepada bumiputera dalam Negeri ini, dalam Pulau Pinang ini dicampur semua sekali tidak dapat bertanding dengan seorang ahli perniagaan atau saudagar yang ada dalam negeri terdiri daripada bukan bumiputera—satu—semua sekali kita campur dengan satu kita tidak dapat lawan. Jadi itulah kelemahan yang ada kalau kita banding. Jadi dengan

sebab itu Kerajaan yang ada sekarang ini sedar atas masalah ini, dan saya rasa beberapa usaha telahpun, dibuat, dan Tuan Yang Terutama sendiri dalam ucapan beliau telahpun bercakap dan menerangkan masalah ini di mana Kerajaan, melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menubuhkan satu syarikat yang saya harap syarikat ini dapat mengumpulkan modal-modal orang Melayu yang ada dalam Negeri ini untuk berniaga, untuk membuat perniagaan.

Saya rasa dalam masalah ini kita harap dan Kerajaan Negeri harap orang-orang Melayu yang ada dalam Negeri ini dapat tampil ke depan dan memberi sokongan kepada usaha Kerajaan ini dengan menjadi ahli dalam syarikat ini. Saya, Tuan Speaker, tidaklah hendak melihat dan mahu mendengar di masa-masa yang akan datang pula, dan keluar cakapan-cakapan daripada Ahli-ahli Pembangkang bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan ini kerana hendak mencari publisiti dan sebagainya. Jadi kita tak mahu mendengar dan dengan sebab itu daripada sekarang ini saya telahpun bercakap dengan menerangkan keadaan ini. Kita tak akan khabar akan perkara-perkara yang akan berlaku dan perkara-perkara yang boleh berlaku akan keluar di masa-masa yang akan datang. Satu masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli kita daripada pihak Pembangkang ialah masalah penubuhan Pihak Berkuasa Air Negeri, dalam Negeri kita baru-baru ini. Saya selaku wakil rakyat yang duduk dalam Kerajaan dan datang daripada luar bandar, saya rasa pihak orang-orang luar bandar hari ini berasa sungguh berterima kasih kepada Kerajaan kerana penubuhan Pihak Berkuasa Air, walaupun perkara ini Dewan kita menghadapi satu Usul yang saya rasa kita hendak bercakap perkara ini patut bercakap di sana.

Tuan Speaker: Saya benarkan jikalau Ahli daripada Bayan Lepas hendak membahaskan atau bercakap di atas perkara itu keluar daripada Usul itu. Usul yang akan datang daripada itu, keluar daripada Usul, berkaitan dengan The Water Authority boleh dibahaskan sekarang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, apa yang saya hendak cakap ialah pada masa dahulu, sebelum Badan atau Pihak Berkuasa Air ditubuhkan dalam Negeri kita, air ini dikuasai oleh dua kuasa. Satu dalam Bandaraya sendiri dan sebahagian besar dari Pulau Pinang ini sendiri adalah dikawal atau dijaga dan diuruskan oleh Majlis Bandaraya dan yang lain-lain ialah oleh J.K.R. Dalam kawasan-kawasan di mana kuasa air ini dijaga atau dikawal oleh J.K.R. masa dahulu, pihak-pihak penduduk-penduduk di sana telahpun dikenakan cukai air pada tiap-tiap tahun iaitu sebanyak 3% dicukai mengikut keadaan hasil rumah mereka itu. Jadi, dalam masalah ini, ada beberapa banyak orang-orang kita yang ada di luar bandar hari ini yang perlu kena bayar cukai 3% ini kepada Pihak-pihak Berkuasa Air, dahulu \$20—\$30 kadang-kadang \$50 tetapi sekarang perkara itu sudah dimansuhkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Air sekarang. Satu perkara lagi yang saya suka bawa ialah pada masa dahulu, cukai air kita atau pun hasil air kita yang dibayar oleh pengguna-pengguna adalah berlainan.

Ahli Yang Mempengerusikan: Di atas itu adalah berkaitan dengan Usul.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi, lagi satu masalah ialah dahulu ada dibangkitkan oleh orang-orang luar bandar bahawa air ini yang digunakan dan diambil dalam Negeri ini adalah dari kawasan-kawasan di luar bandar, dibawa mari ke bandar. Kemudian orang dalam bandar sendiri bayar cukai hasil murah tetapi orang luar bandar bayar lebih. Sekarang keadaan dan masalah itu telah habis dan semua rakyat dalam Negeri ini dapat membayar dengan harga sama. Jadi, inilah lagi satu masalah yang rakyat dalam luar bandar khususnya dapat memberi terima kasih yang banyak kepada Kerajaan di atas usaha-usaha yang telahpun dibuat oleh Kerajaan pada hari ini.

Tuan Speaker, saya sekarang suka-lah membawa beberapa masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh

Ahli-ahli khasnya Ahli-ahli Pembangunan yang telahpun mengambil bahagian dalam Usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor. Satu ialah masaaalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli daripada Kawasan Ayer Itam. Saya sungguh berasa hairan Tuan Speaker, hari ini kerana saya dapati Ahli daripada Kawasan Ayer Itam ini telahpun mengambil masa yang panjang jugalah, seolah-olahnya hendak menunjuk bahawa Ahli daripada Pekemas pun ada juga benda yang hendak dicakap serupa juga macam apa yang telahpun diucapkan oleh Ahli daripada Kawasan Kelawei. Kalau tidak di masa-masa yang lepas kita tengok Ahli-ahli terutama sekali Ahli-ahli yang terdiri daripada Parti Pekemas datang ke sini meraba-raba mencari modal sendiri hendak bercakap dan ada kalanya yang kita dapati selalu akan membawa usul-usul meminta supaya Dewan ini ditangguhkan dan boleh balik. Saya nampak mereka itu tidak begitu tertarik hati dengan perjalanan Dewan dan juga masaaalah-masaaalah yang dihadapi oleh rakyat. Apa yang mereka itu lebih pentingkan ialah masaaalah perniagaan mereka sendiri. Saya, satu perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli daripada Ayer Itam ialah masaaalah satu, rayuan yang dibuat oleh salah seorang Ahli UMNO yang beliau terbaca dalam surat khabar iaitu berhubung dengan rancangan-rancangan Kerajaan hendak menjadikan pantai utara Pulau Pinang sebagai tempat di mana dapat kita majukan masaaalah-masaaalah pelancungan.

Saya rasa seronok sedikit sebab dua Ahli daripada Pekemas datang.

Jadi, saya rasa masaaalah ini kita tidaklah boleh membawa kalau seorang Ahli UMNO bercakap ertinya semua orang UMNO dan semua orang Melayu tak setuju dengan masaaalah itu. Ini terpulang kepada masaaalah masing-masing, walaupun kita duduk dalam parti manapun, kadang-kadang dalam parti sendiripun tidaklah selalu kita dapat menyesuaikan pendapat sesuatu dengan semua orang. Saya percaya ada kalanya Yang Berhormat Ahli daripada Ayer Itam dan Sungei Bakap tidak dapat bersetuju dalam sesuatu masaaalah,

ada juga masanya, tidak semuanya ya dua-dua dan datang dalam Dewan ini satu datang, satu tidak datang, tidak dapat sama. Manusia kita dalam dunia inipun tidak sama. Tuhan bagi jari limapun tak sama. Jadi, masaaalah ini Kerajaan memang mengambil perhatian yang berat dan kita sebagai rakyat kalau kita hendak majukan pantai itupun bukanlah ertinya kita mengorbankan rakyat yang ada di dalam kawasan itu. Berhubung dengan perkara itu juga, saya rasa Ahli Kawasan Kelawei telahpun membangkit berkenaan dengan orang-orang yang ada di dalam kawasan itu yang tidak mahu bekerja sebagai orang-orang yang bekerja dalam hotel. Biarlah kalau boleh mereka-mereka itu mesti bekerja nelayan. Pendeknya, kalau tok mereka bekerja nelayan, bapa mereka mesti bekerja nelayan, cucu mereka pun mesti bekerja nelayan. Itulah kehendak Ahli daripada Kawasan Kelawei. Jadi Kerajaan hendak mengubahkan corak hidup, pendapatan dan keadaan orang-orang yang ada dalam kawasan Pulau Pinang di pantai Kelawei itu tidak boleh dibuat. Itu kehendak dan satu daripada hasrat yang saya kata tadi. Adakah itu keluar daripada hasrat yang jujur atau tidak jujur. Inilah satu perkara yang saya rasa patut rakyat terutamanya yang ada dalam Pulau Pinang ini mengambil dan membuat kajian apakah ucapan beliau ini betul-betul jujur terhadap rakyat yang ada disitu. Kalau hari ini orang-orang kita bekerja sebagai nelayan tetapi pada satu masa kalau keadaan telah memaksa dan ada peluang-peluang yang baik lagi bagi mereka supaya taraf hidup mereka boleh mereka mengubah ke taraf hidup yang lebih tinggi. Itu adalah kehendak dan hasrat Kerajaan yang hendak dibuat. Bukan suruh mereka bekerja nelayan daripada tok sampai ke cucu. Saya, lagi satu perkara ialah masaaalah berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Kawasan Ayer Itam di mana tadi Tuan Speaker kata tidak benarkan bercakap tetapi saya minta hendak bercakap sedikit sebab saya nampak Tuan Speaker, masaaalah ini Ahli daripada Kawasan Ayer Itam, seperti mana yang saya kata pada dua hari yang lepas ialah beliau adalah seorang yang sangat

bijak. Saya akui beliau ialah seorang yang paling bijak dan paling pintar. Pintar cara hendak belah, cara hendak pecah-pecah dan cara hendak jatuhkan seseorang itu dengan menunjukkan satu masalah dan kelemahan pada orang itu. Di dalam Kerajaan memang kita tahu bahawa beliau telah cuba beberapa kali hendak memecahkan Ahli-ahli Kerajaan ini supaya berpihak-pihak. Saya rasa dalam masalah ini Ahli Kawasan Ayer Itam sangat bijak dan kita boleh angkat topi . . . (*gangguan*).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Mana ada topi hendak boleh angkat (*ketawa*).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Sokonglah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi Tuan Speaker, masalah ini ialah masalah yang beliau bangkitkan. Ada dua perkara dalam kawasan saya yang mulanya saya tidak hendaklah bercakap sebab perkara ini adalah perkara personal, perkara yang mengenai diri kita masing-masing dan sebagai seorang wakil rakyat, kita ada tugas-tugas kita dalam kawasan-kawasan kita sendiri tetapi beliau telah bercakap bagi kawasan saya dan saya rasa dalam kawasan beliau pun ada banyak perkara yang saya boleh bercakap di mana hari ini saya jumpa orang-orang yang berada di kawasan beliau itu, bukan sahaja tidak percaya kepada Ahli Kawasan Ayer Itam, malah ada yang tidak mahu tengok muka pun ada . . . (*gangguan*).

Ahli Yang Mempengerusikan: Mengenai perkara itu adalah personality, itu outside debate-lah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Terima kasih Tuan Speaker, dua masalah yang dibangkitkan itu, iaitu satu, masalah Balai Raya tidak ada di dalam kawasan saya di Telok Kumbar. Yang sebenarnya sebagai wakil bagi kawasan itu, saya tahu apa kerja saya. Saya telahpun bawa perkara ini dan kalau beliau sendiri hendak tahu priority list yang ada di District Balik Pulau memang ada satu Balai Raya di Telok Kumbar. Kalau hendak, boleh minta kepada Tuan D.O. dan kalau hendak suruh saya bagipun

boleh bagi, tetapi sebab dasar Kerajaan hari ini, terutama sekali Kerajaan Pusat, pemberian Balai-balai Raya ini dahulu banyak kita gunakan daripada hasil pemberian dari Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tetapi dasar Kerajaan sekarang yang saya tahu, Kerajaan Pusat mengurangkan sedikit perkara yang semacam ini. Jadi, Balai Raya yang kita cadangkan di Telok Kumbar itu tidaklah dapat dibuat sehingga hari ini. Walau bagaimanapun saya sebagai wakil bagi kawasan itu, telahpun membawa perkara itu beberapa kali dan kita harap pada satu masa yang akan datang Balai Raya di kawasan saya, di Telok Kumbar itu, akan dapat didirikan dan pada masa itu saya akan jemput Ahli daripada Kawasan Ayer Itam boleh pergi ke situ dan kalau hendak membuat perjumpaan Parti Pekemas pun, saya boleh benarkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Awak benarkan kita pergi ke sana?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Dan satu masalah di dalam penubuhan syarikat kerjasama yang ada di Telok Kumbar ini ialah meminta bantuan kepada Kerajaan Pusat. Yang sebenarnya saya sendiri menjadi ahli syarikat itu bersama-sama dengan ahli-ahli di kawasan itu yang terdiri daripada penduduk-penduduk di situ. Tetapi, saya hari ini, ada sedikit masalah kerana Kerajaan belum lagi menimbang untuk memberi bantuan lagi kepada syarikat-syarikat kerjasama tetapi Kerajaan akan menimbang untuk memberi bantuan kepada Persatuan-Persatuan Nelayan. Jadi, sekarang kita sudah menyusun dan menubuhkan satu Persatuan Nelayan bagi kawasan Telok Kumbar di mana bersambung dengan Balik Pulau. Maka manakala penubuhan persatuan ini, kita harap bantuan yang kita minta akan dapat. Saya tidak tahu di mana mula dapat . . . (*gangguan*).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Persatuan itu sudah ditubuhkan. Saya bukan cakap syarikat kerjasama.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Ah! Saya tahu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Berhubung dengan soal itu (*gangguan*).

Ahli Yang Mempengerusikan: Belum minta clarification.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Clarification. Di dalam soal itu, Persatuan Nelayan sudah ditubuhkan. Sebab itu, Persatuan Nelayan itupun juga mengikut advice dari Fishery Department. Tetapi sudah tubuh lama sudah—1 atau 2 tahun, tetapi bantuan belum dapat lagi. Itulah soal.

Ahli Yang Mempengerusikan: Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam (*gangguan*).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Tan Phock Kin): Itu saya ingat sudah sangat lama (*gangguan*).

Ahli Yang Mempengerusikan: Atas clarification cukuplah setakat itu. Itu bukan minta penjelasan dari orang yang berucap.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Bagi statement.

Ahli Yang Mempengerusikan: Itupun tidak apalah. Biarkan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Biarkan?

Ahli Yang Mempengerusikan: Kerana Tuan Speaker baru tetapi (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Persatuan Nelayan itu ada di Telok Kumbar tetapi tidak mengikut apa yang dikehendaki oleh Kementerian Perikanan sebab Kementerian Perikanan berkehendakan supaya bukan sahaja kawasan di Telok Kumbar, tetapi Balik Pulau sekali masuk menjadi satu kumpulan persatuan. Sekarang ini orang-orang di Telok Kumbar sahaja menubuhkan persatuan itu dan meminta supaya dapat disambungkan sehingga ke Balik Pulau. Urusan penubuhan itu sedang kita jalankan sekarang. Itulah penerangan yang

saya boleh beri. Kemudian, saya rasa Ahli daripada Kawasan Jelutong menyentuh berkenaan dengan Pesta Pembangunan Negeri Pulau Pinang, baru-baru ini, yang diadakan oleh Kerajaan di Sungai Ara. Ini adalah satu pesta di mana hendak beri satu compliment atau puji kepada saya, tetapi ini saya rasa tidak bersangkutpaut. Sebab itulah Pesta Pembangunan ini dibuat oleh Kerajaan adalah mengikut apa yang telahpun dibuat oleh Kerajaan Pusat sendiri iaitu meminta supaya rakyat kita yang ada di dalam Negeri ini mengambil bahagian di dalam segala rancangan-rancangan yang diberikan oleh Kerajaan.

Jadi, pesta ini ialah untuk mengalakkan rakyat mengambil bahagian dalam kemajuan-kemajuan dalam rancangan-rancangan Kerajaan yang ada. Tetapi jadinya pesta itu di Sungai Ara bukanlah kerana saya sebagai wakil dari kawasan itu. Kita sudah pilih beberapa tempat tetapi tempat itu yang paling sesuai sebab kawasan itu ialah kawasan di mana dapat kita tempatkan beberapa rumah ataupun pejabat-pejabat Kerajaan yang senang yang tidak payah kita gunakan kawasan-kawasan yang lain.

Jadi, Tuan Speaker, masalah yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli daripada Bagan Ajam iaitu dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor hanya ada sebaris yang menyebut berkenaan dengan Kerajaan Campuran di Pulau Pinang ini. Jadi, saya tidak tahu macam mana? Adakah hasrat ataupun kehendak Ahli daripada Bagan Ajam semua ucapan daripada Tuan Yang Terutama Gabenor tertumpu kepada campuran kita—campuran ini saya tidak tahu. Kita cerita bila kita tubuhkan. Yang itu sahaja. Jadi, begitu kehendak Ahli Bagan Ajam yang itu saya tidak tahu. Jadi saya rasa dalam masalah ini, kita bukanlah banyak menerangkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor tetapi kita tahu apa yang kita buat. Inilah masalah politik dalam Negeri ini apa sebab kita tubuh Kerajaan Campuran. Saya rasa, pada masa saya bercakap tadi, saya tahu iaitu misalnya nyior yang kita parut tadi kita tapis tinggal santan, Kemudian timbul sekarang ini hasrat Kerajaan iaitu adakah

sekarang ini sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat, apakah tugas-tugas kita yang besar yang kita hadapi sekarang. Saya rasa tugas yang besar sekarang hendak memberi kemajuan kepada rakyat dalam Negeri—dan memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat dalam Negeri kita. Dengan hasrat inilah, Tuan Speaker, kita dan saya sendiri pada masa sebagai Pembangkang dahulu, saya tetap bercakap beberapa kali kalau tidak ada masalaah-masalaah yang boleh menguntungkan rakyat kita memberi sokongan, kita memberi sokongan. Kami tidaklah menentang Kerajaan pada masa itu dalam semua bidang sehingga membawa usul misalnya tidak percaya kepada Tuan Speaker. Apa perkara-perkara yang kami fikir yang boleh menguntungkan rakyat, kami menyokong. Jadi, dengan hasrat inilah Tuan Speaker, kami di sini masuk bercampur dengan tujuan kami hendak membuat sesuatu untuk kemajuan rakyat di Negeri ini kalau boleh. Sebab Negeri kita ini sekarang dalam proses pembangunan dalam kita merancang dan membangunkan Negeri kita. Jadi, kalau ahli-ahli politik banyak bercakap masalaah politik, menunjukkan kesalahan-kesalahan yang kecil yang dibuat oleh Kerajaan dan mengikut jejak Ketua Menteri—kalau dia pergi manapun ikut dan apa yang tidak salah dibawa dalam Dewan ini berbahas untuk bahan bercakap.

Saya rasa tujuan kita ialah hendak menolong dan membangunkan Negeri ini dan memajukan Negeri ini. Hasrat kita atau tujuan kita yang besar ialah hendak memajukan Negeri ini, hendak menolong rakyat supaya semua orang dapat hidup dengan aman dan dapat rasa nikmat hidup bersama-sama. Inilah hasrat kita dan kita cuba hendak melupakan fahaman-fahaman politik yang ada, yang terdiri daripada parti-parti kami untuk tujuan memberi kemudahan dan kemajuan kepada rakyat. Saya rasa dengan hasrat inilah, sekarang ini, kami yang ada di sini sebagai Kerajaan Campuran bekerja dan selain daripada itu kami percaya ini suatu perkara yang mustahak yang saya rasa yang berjalan keadaan ini selama setahun lebih. Kami percaya-mempercayai di antara satu

sama lain. Misalnya Ketua Menteri percaya saya, saya percaya Ketua Menteri; dan saya percaya Tuan Speaker, Tuan Speaker percaya saya. Itulah sifat dan semangat yang kami jalankan sekarang. Kita tidak tahulah bagaimana sebab masa dahulu. Pada masa dahulu tiap-tiap ahli daripada Gerakan yang keluar di sini kerana tidak ada percaya-mempercayai, itu saya tidak tahulah. Yang menjadi kesusahan ini kerana tidak ada percaya-mempercayai barangkali di antara satu dengan lain. Kita cuba lupa kan masalaah-masalaah politik bercakap fasal politik kerana kita hendak tumpukan kemajuan kita kepada memajukan Negeri ini dengan tujuan hendak memberi kemudahan dan nikmat kepada rakyat dan di samping itu kita percaya-mempercayai di antara satu dengan lain. Saya rasa, kalaulah kita ada kepercayaan di antara dua belah pihak, 2 parti ini, yang ada coalition sekarang Kerajaan ini akan dapat berjalan, bukan sahaja, setakat pilihanraya ini, boleh jadi pada masa-masa yang akan datang juga.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya suka menyentuh masalaah-masalaah yang dibawa oleh Ahli daripada Kawasan Kelawei dalam masa ucapan beliau di Majlis ini pada semalam. Satu perkara yang saya nampak Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kelawei selain daripada saya duduk di Dewan ini bersama-sama Yang Berhormat sudah hampir setahun lebih, saya rasa kalau beliau memberi ucapan, saya fikir sangatlah bagus dan menarik hati. Tetapi, satu perkara yang saya rasa, kalaulah kita hendak membuat kawan, saya fikir orang yang macam itu atau Yang Berhormat macam ini tidak boleh dibuat kawan. Sebab saya kata, pada pendapat saya, beliau selalu meminta, sepatutnya perkara-perkara, benda-benda yang patut dibuat itu hendaklah bukan seorang sahaja membuatnya, patutlah diberi kepada orang lain terutama sekali dalam masalaah-masalaah membahaskan ucapan Gabenor patut setengah-setengah bahagian diberi peluang kepada parti lain, macam PEKEMAS. Dan saya rasa Ahli daripada Kawasan Sungei Bakap sendiri bersetuju sebab dia menganggu-angguikan kepala. Jadi, dialah sebuah parti, tidak diberi

peluang dan tidak diberi langsung dibantai kesemua. Itu satu, yang kedua beliau cuba menjadi sebagai seorang pahlawan ataupun juara dalam semua masaalah, dalam semua masaalah-masaalah apa juga yang ada dalam dunia ini, beliau seoranglah pahlawan. Jadi, sebagai contoh saya tunjuk mula-mula sekali, beliau tujukan ucapannya ini—cuba hendak merendah-rendahkan usaha yang hendak dibuat oleh Kerajaan menunjukkan banyak kecaman-kecaman itu kepada Ketua Menteri, kemudian lepas daripada itu, dia mengaturnya satu, satu, satu tiap-tiap ahli yang ada di sebelah Kerajaan. Kemudiannya, manakala datangnya masaalah-masaalah mengenai orang Melayu dibawa kepada saya dan kepada UMNO. Itu, saya rasa tidaklah mustahak. Kita bawa perkara-perkara orang Melayu, masaalah UMNO dalam Dewan ini. Kalau kita hendak bercakap UMNO—jangan—banyak masaalah-masaalah yang kita boleh bercakap bukan dalam Dewan tetapi kita bercakap di luar Dewan. Dalam Dewan tidak usah bawa perkara Melayu dan UMNO sahaja. Saya fikir semua rakyat yang ada dalam Dewan ini adalah tanggungjawab kita bersama bukan UMNO dan mesti orang Melayu sahaja dan DAP mesti juga China sahaja. Saya fikir itu tidak.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Cakapan awak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Itu silap.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Awak silap.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.10 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.35 petang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, semasa Dewan ini ditangguhkan tadi saya sedang membangkitkan satu masaalah, iaitu masaalah kita Ahli-ahli yang dalam Dewan ini yang dipilih oleh rakyat datang ke sini adalah terdiri daripada berbagai-bagai parti politik samada duduk di

pihak Kerajaan dan juga duduk di pihak Pembangkang. Jadi kita datang ke sini bukanlah menjadi juara sesuatu puak ataupun sesuatu golongan.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Ulang-ulang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi kalau—saya kata kalau sekiranya UMNO mesti bercakap fasal orang Melayu sahaja dan parti-parti lain mesti bercakap fasal satu bangsa yang lain, saya rasa tidaklah dapat kita buat untuk kemajuan rakyat Negeri ini. Tetapi tugas Kerajaan ialah menengok dan melihat semua rakyat ada dalam Negeri ini mendapat bahagian masing-masing. Itulah tujuan dan itulah juga tugas Kerajaan sekarang. Kemudian balik kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Bagan Ajam, iaitu satu masaalah mengikut apa yang telahpun dibawa oleh Yang Berhormat Ahli daripada Bagan Ajam ialah berkenaan dengan Kerajaan selalu, dalam tiap-tiap kali ucapan atau titah ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor cakap fasal muhibbah, cakap fasal keselamatan dalam negeri dan fasal-fasal itu, saya rasa Tuan Yang Terutama Gabenor mempunyai tugas untuk melihat negeri ini selalu dalam keadaan yang aman, sebab inilah menjadi pokok kemajuan Negeri kita, saya rasa kalau Tuan Yang Terutama bercakap dalam masaalah itu bukanlah ini satu perkara yang diulang-ulang tetapi yang mustahak, yang patut diingatkan kepada rakyat dalam Negeri ini. Masaalah-masaalah keamanan adalah menjadi satu masaalah pokok untuk kemajuan Negeri kita. Satu perkara lagi yang dibawa oleh Ahli daripada Bagan Ajam ialah berkenaan dengan Kerajaan mengeluarkan Penyata Perbelanjaan bagi tahun ini tidak langsung ditulis dalam Bahasa Inggeris. Jadi saya tidak tahu di mana kedudukan Ahli Pembangkang sendiri, sebelah pihak kata mestilah gunakan Bahasa Kebangsaan tetapi sebelah pihak pula kata kita mesti guna Bahasa Inggeris. Jadi itulah menunjukkan, Tuan Speaker, apa yang kita hendak buat dalam Kerajaan Negeri kita hendak dengar sebelah mana? Pembangkang mana?

Lagi satu masaaalah ialah masaaalah berkenaan dengan Ahli-ahli di dalam Dewan ini tidak diberi peluang cukup untuk bercakap. Itu apa yang saya dapat kutip dari apa yang diucapkan oleh Ahli daripada Bagan Ajam. Saya rasa sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi, Dewan ini telahpun memberi peluang yang cukup kepada semua Ahli Dewan ini untuk berucap.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Baru sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Since December Session.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan mahu bercakapkah?

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Tidak mahu bercakap.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Saya rasa dalam Dewan ini saya boleh lihat bagaimana adilnya Kerajaan memberi peluang kepada parti-parti Pembangkang untuk menyuarakan hasrat mereka, sebab kita percaya dan tahu tugas tuan-tuan yang datang ke sini ialah membawa perkara-perkara yang tuan-tuan fikir tidak betul, tidak elok yang dibuat oleh Kerajaan. Tetapi dalam masa tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat membawa perkara itu, biarlah perkara-perkara itu menasabah yang boleh diterima oleh Kerajaan, janganlah ada yang membawa perkara-perkara dalam Dewan ini berlainan di dalam hati tuan-tuan dan di luar pula berlainan misalnya. Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Bagan Ajam ialah berkenaan dengan Kerajaan, iaitu membuat Pejabat Ketua Menteri sebanyak hampir-hampir \$100,000. Saya suka bagi tahu kepada Ahli yang berkenaan pejabat yang kita buat dengan belanja sebanyak \$900,000 itu adalah bukan pejabat Ketua Menteri sahaja tetapi ada beberapa pejabat lagi termasuklah Pejabat P.D.C. ataupun Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang. Jadi sekarang kalau tuan-tuan selalu datang ke pejabat Kerajaan atau Bangunan Tuanku Syed Putra kita sekarang kita menghadapi masaaalah kekurangan pejabat. Jadi saya rasa Kerajaan menggunakan wang Negeri ini untuk menambahkan satu pejabat lagi.

Ini adalah sesuai dan manasabah bukanlah dibuat untuk kesenangan Ketua Menteri, seluruh Bangunan Tuanku Syed Putra hingga ketinggian 9, bukan hanya untuk Pejabat Ketua Menteri sahaja. Saya rasa tuduhan macam ini tidaklah patut. Itu sebagai tuduhan-hanya untuk melepaskan geram dan dendam sahaja.

Masaaalah kegunaan atau pengambilan tanah oleh Kerajaan macam saya kata tadi, ialah kerana Kerajaan tidak dapat elak, tidak dapat hendak lari daripada kegunaannya itu, sebab tanah Kerajaan tidak cukup untuk membuat pembangunan di Negeri ini terpaksa kita mengambil tanah, kalau tidak kita tidak dapat membuat pembangunan. Kalau kita tidak dapat buat pembangunan, Pembangkang-pembangkang nanti kata apa Kerajaan buat. Jadi yang mana kita mesti pakai? Kalau sekarang kita hendak buat pembangunan mesti kita gunakan tanah, mesti kita ambil tanah. Kalau kita ambil tanah tuan-tuan kata mengapa Kerajaan ambil tanah. Kalau tidak ambil tanah pula tuan nanti kata apa yang Kerajaan buat selama ini. Yang mana patut kita buat sekarang?

Kalau tidak kita tak dapat buat pembangunan, kalau kita tak dapat membuat pembangunan tuan-tuan datang di sini kata—"apa Kerajaan buat?" Jadi yang mana kita hendak pakai sekarang. Kalau hendak membuat pembangunan, mesti kita kena gunakan tanah, mesti kita kena ambil tanah—kalau kita ambil tanah tuan-tuan kata fasal apa kita ambil, kalau tak ambil tanah pula tuan-tuan akan berkata apa Kerajaan buat selama beberapa tahun dan mana yang patut Kerajaan buat sekarang ini.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Jangan jual tanah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Fasal ambil tanah itu masaaalah lain.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Jual tanah, ambil tanah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Balik saya kepada Yang Berhormat Ahli daripada

Kawasan Kelawei ialah yang menjadi kepada "pet subject" ataupun perkara yang paling seronok sekali beliau bercakap ialah masalah Kerajaan tak membuat apa terhadap penduduk-penduduk yang ada dalam Bagan Jermal di mana satu ban telahpun pecah dan air selalu naik pada masa air pasang. Saya rasa Kerajaan ada dan sedang memerhati masalah itu dan bukan sahaja untuk membuat ban itu, tetapi saya sebagai seorang daripada Ahli yang duduk dalam Dewan ini dan pada masa saya duduk sebelah sana juga saya menyebut hendak meminta Kerajaan memerhati dan melihatkan keadaan kawasan itu. Dan kalau kita perhatikan, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Kawasan Kelawei, sangat sedeh keadaan kawasan itu. Hari ini hasil daripada permintaan saya itu Kerajaan telahpun berunding dengan UDA untuk menjadikan kawasan-kawasan itu kawasan rancangan-rancangan kemajuan UDA. Saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat dan pihak UDA telahpun bersetuju.

Jadi itulah saya tidak tahu bagaimana kehendak Ahli-ahli Pembangkang. Saya tidak faham dan fikir Kerajaan macam "letrik". Mengikut cerita Nabi Musa dalam Islam beliau ada tongkat dan apabila ketuk sahaja tongkat itu jadilah apa yang dikehendaki. Jadi apa sahaja yang kita fikir, ketuk sahaja tongkat itu, jadi.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Satu tahun.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi kita bila bercakap hendak membuat satu-satu rancangan mesti ada perundingan selepas perundingan, timbangan dan sebagainya. Dan membincangkan masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa kemajuan-kemajuan itu hendak dibuat serupa juga seperti Lapangan Terbang di Bayan Lepas, kita terpaksa kena memikirkan beberapa masalah.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Naik gaji Ahli Dewan cepat nampak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Ayak pun terima juga, jangan kata begitu.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Itu tak pakai.

Ahli Yang Mempengerusikan: Semua terima.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Jadi bukan sebelah ini sahaja yang terima.

Jadi itulah masalahnya Tuan Speaker. Saya tertarik hati satu masalah yang dibawa oleh Ahli daripada Kawasan Kelawei, ialah masalah bagaimana Kerajaan menyelesaikan setingan-setingan di Sungei Keluang.

Ahli Yang Mempengerusikan: Saya tengok nampaknya Ahli daripada Kawasan Kelawei jadi "pet" Ahli daripada Kawasan Bayan Lepas. Tadi cakap "pet subject" jadi "pet memberlah".

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Bukan "pet member" Tuan Speaker, kerana Ahli Kawasan Kelawei sudah cakap banyak jadi subject yang ia bercakap, saya bercakap balik.

Ahli Yang Mempengerusikan: Kalau pet bagus juga.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Saya pun tidak ada janggut.

Tuan Speaker saya rasa bolehlah kita nampak di sini hasil daripada perjuangan Ahli daripada Kawasan Kelawei maka Kerajaan telah mengadakan dan telahpun menyelesaikan masalah penduduk-penduduk di Sungei Keluang. Itu saya rasa, ini satu daripada cara mencari publisiti politik yang paling murah. Saya rasa sebagai Ahli dalam kawasan itu, saya telahpun bertindak begitu keras sekali untuk mendapat penduduk-penduduk itu diubah atau dipindah dan dengan keadaan yang ada sekarang ini bukanlah dengan hasil perjuangan Ahli daripada Kawasan Kelawei.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Masa buka—bayang pun tak nampak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Bayang tak nampak, tetapi orang ada. Jadi saya rasa, saya tidak faham Ahli daripada Kawasan Kelawei ini sendiri di mana beliau selalu membawakan perkara-perkara yang pada pendapat saya, cuba hendak menidakkan kerja-kerja orang lain, hanya membangkitkan perkara-perkara yang hanya beliau seorang sahaja yang buat, seolah-olahnya beliau seoranglah yang jadi juara dalam Negeri ini. Jadi, dalam ucapan beliau yang panjang lebar beberapa kali beliau cuba menidakkan kerja-kerja yang dibuat oleh Kerajaan dengan hanya membangkitkan masaalah-masaalah yang rumit khasnya Parti DAP itu sahaja yang buat. Saya fikir masaalah ini kita patutlah dan saya sukalah menasihatkan kepada Ahli daripada Kawasan Kelawei kita tak usahlah bawa perkara-perkara yang semacam itu dalam Dewan, sebab walaupun kita ini terdiri daripada parti-parti yang berlainan yang datang ke Dewan ini dipilih oleh rakyat dan orang semua kenal siapa tiap-tiap seorang kita ini. Kita tidak payah lagi menyuarakan apa yang ingin parti kita hendak, apa yang parti kita mahu dan tidak payah lagi pakai badge datang ke Dewan mengenalkan kitalah parti itu, kitalah parti ini—kalau kita semualah pakai badge, saya rasa penuh badge dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Akan pakai.

Ahli Yang Mempengerusikan: Itu tak usahlah, kalau mereka suka pakai biarlah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Saya suka menarik perhatian kepada Ahli daripada Kawasan Kelawei juga iaitu dalam masa beliau membuat ucapan, beliau berkata bahawa Kerajaan ini tidak ada rancangan untuk membuat sesuatu kepada orang-orang yang ada dalam bandar, hanya yang beliau dengar ialah rancangan-rancangan “urban renewal scheme” dan rancangan ini telahpun lama terdengar oleh beliau. Jadi, saya rasa masaalah pembangunan dalam Negeri kita bukanlah boleh kita buat manakala kita teringat sahaja kita dapat

buat. Jadi, saya tidak faham, saya sungguh tak faham ada Ahli daripada Pembangkang pula, yang bercakap Kerajaan buat satu rancangan dengan tidak ada fikir panjang dan tidak ada pelan. Jadi, kalau kita fikir kita hendak buat satu rancangan, kita adakan rancangan dan ia memakan masa yang panjang sedikit. Perkara itupun tidak betul juga. Jadi, yang mana betul, kita pun tidak tahu. Jadi, ini hanya semata-mata Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini cuba hendak menidakkan semua kerja-kerja yang dibuat oleh Kerajaan dan tujuan yang besar sekali ialah hendak mengelirukan pandangan dan pendapat rakyat yang ada dalam Negeri ini. Kerja-kerja yang semacam ini kita tahu, sebab kerja-kerja ini ialah kerja-kerja yang berhampir dengan “Demam Pilihanraya”.

Jadi, saya rasa kalau hendak adakan kempen untuk menaikkan kita, bukanlah tempatnya di Dewan ini, tetapi di luarlah. Bukan di sini dan kita, sememang benar, sebagai Kerajaan Negeri ini membenarkan sesiapa juga parti-parti mana hendak membuat kempen seminggu sekali ataupun tiap-tiap malam dia buatlah. Berapa orang hendak pergi dengar, pergilah, kita tidak tegah dan kita tidak larang, tetapi bukan di Dewan ini untuk membuat kempen semacam itu.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya suka lah menerangkan kepada Ahli-ahli dalam Dewan dan juga pada rakyat Negeri ini pihak Kerajaan, kalau membuat rancangan-rancangan kita untuk memajukan Negeri ini yang boleh memberi faedah kepada rakyat kita mempunyai priority, kita mempunyai masa dan kita mempunyai lapisan-lapisan masa dan jadi, kadang-kadang boleh jadi, kita membuat sesuatu rancangan itu, rancangan itu baik dan boleh memberi keuntungan kepada rakyat tetapi oleh sebab ada beberapa masaalah yang kita tidak dapat jalankan rancangan itu terpaksa kena mengambil masa. Sebab yang saya kata begitu, kerana bukanlah satu-satu rancangan itu boleh kita buat dengan kita bercakap sahaja, sebab kita berkehendakkan wang dan sebagainya. Sebagaimana yang Ahli-ahli Dewan semua maklum keadaan kewangan

dalam Negeri kita sangat terhad. Kita terpaksa berunding dengan Kerajaan Pusat untuk mendapatkan wang memberi bantuan kepada kita menjalankan rancangan-rancangan ini. Jadi, bila kita bercakap masaalah bantuan dengan Kerajaan Pusat ada pula Ahli daripada Pembangkang khasnya Ahli daripada Kawasan Kelawei bercakap kita terlampau banyak dekat sangat dengan Kerajaan Pusat, patut mahu jauh sedikit dan barulah kita dapat membuat apa yang patut kita buat. Saya rasa semakin jauh kita pergi dengan Kerajaan Pusat, semua rancangan-rancangan yang kita hendak buat tak akan dapat berjalan. Dan dalam masaalah ini juga Ahli daripada Ayer Itam bercakap kita mesti mengikut Perlembagaan 109, kita mesti dapatkan wang daripada Kerajaan Pusat. Jadi, yang mana yang betul, satu pihak kata kita mesti rapat dengan Kerajaan Pusat, minta Kerajaan Pusat memberi bantuan-bantuan kepada Kerajaan Negeri dan satu pihak kata kita mesti jauh daripada Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Bukan jauhlah—bukan subservient-lah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, saya tidak mahulah balik, bila saya jawab balik buang masa.

Ahli Yang Mempengerusikan: Masa panjang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, inilah satu masaalah selain daripada membincang dan memikirkan masaalah-masaalah kewangan. Kita terpaksa juga memikirkan masaalah bagaimanakah projek-projek kita itu dapat kita laksanakan dengan tidak menyusahkan rakyat yang ada bagi kawasan itu sendiri. Kita terpaksa kena cari jalan bagaimana kita hendak mengubah. Sebab dalam negeri kita ini tidak ada satupun kawasan kita, tanah kita, yang ada dalam Negeri ini, kalau kita hendak membuat kemajuan tidak terlibat penduduk-penduduk di atas tanah itu.

Negeri kita bukanlah semacam Negeri Pahang ataupun sebelah Negeri Perak di mana kita buat rancangan, kita pilih satu tanah kosong. Di situ kita, boleh buat apa yang kita hendak buat dengan tidak terlibat rakyat dalam Negeri itu, tetapi dalam Pulau Pinang ini di mana sahaja, hari ini, kalau kita hendak membuat pembangunan mesti mengenai rakyat. Jadi, kita harap manakala Kerajaan mengadakan rancangan-rancangan untuk kemajuan keseluruhan rakyat Negeri ini kita harap kita akan dapat kerjasama daripada rakyat yang terlibat dalam rancangan-rancangan itu dan bila kita bercakap fasal ini ada dua masaalah.

Tuan Speaker, masaalah yang pertama Ahli-ahli daripada Pembangkang patut tampil ke hadapan hari ini menyokong Kerajaan dan menerangkan kepada rakyat bahawa ini satu rancangan yang baik yang boleh diterima dan patut diberi galakan supaya rakyat menerima dan kita boleh jalan rancangan itu dengan seberapa cepat yang boleh. Tetapi dalam masaalah ini berlainan bila sampai kepada pembangunan yang semacam itu yang mengenai rakyat, orang yang menjadi batu penghalang kepada rancangan-rancangan itu menghasut rakyat ialah Ahli-ahli daripada parti Pembangkang. Inilah selalunya berlaku dalam Negeri kita, tak ada masaalah dan tak dapat dinafikan selalu kita baca dalam surat-surat khabar, mereka inilah menjadi juara di sebelah rakyat, bahawa rancangan Kerajaan ini menyusahkan mereka itu pada halnya mereka berkehendakkan dasar ini, berkehendakkan kemajuan ini dibuat di Pulau Pinang. Kita hendak buat kemajuan mesti kita terlibat dengan penduduk-penduduk yang ada dalam Negeri ini.

Yang kedua, ialah masaalah bagaimana penerimaan rakyat sendiri, bagaimana penerimaan rakyat di atas rancangan itu. Saya rasa sehingga hari ini apa yang saya tahu rakyat kita memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada segala rancangan yang dibuat oleh Kerajaan. Kita tidak nampak satupun daripada penduduk-penduduk kita dalam Negeri ini manakala Kerajaan merancang satu-satu rancangan walaupun mengenai diri mereka sendiri,

rumah mereka sendiri mereka sedia menyokong dan apa yang mereka minta ialah Kerajaan menempatkan mereka itu di tempat yang sesuai dan memberi bantuan untuk memindah rumah mereka dengan harga-harga yang berpatutan. Jadi, dalam masa-alah ini selalu Kerajaan menimbang-kan rayuan-rayuan yang dibuat oleh rakyat atau penduduk-penduduk yang terlibat. Tidak ada rancangan yang dibuat oleh Kerajaan dihalang rakyat keluar dengan tidak memikir dan menimbang-kan masaalah-masaalah ini. Tidak ada rakyat, yang ada dalam Negeri ini, yang kita hendak buat rancangan kita hambat macam itu sahaja keluar. Tidak pernah berlaku, yang berlaku hanya yang kita boleh dapat lihat dalam surat-surat khabar ialah parti-parti Pembangkang mem-bawakan perkara-perkara itu menjadi-kan rakyat dalam Negeri ini kelam-kabut dan salah faham. Inilah sikap yang ada pada parti Pembangkang. Saya tidak faham sungguh-sungguh, Tuan Speaker, sikap mereka ini. Saya tidak faham sikap apa yang mereka bawa ini. Di sini minta Kerajaan adakan rancangan-rancangan kemajuan Pulau Pinang ini mengikut apa yang mereka hendak dalam Dewan ini, tetapi di luar merekalah menjadi batu peng-halang. Inilah satu daripada Pem-bangkang yang bertanggungjawab kepada Negeri ini dan juga kepada rakyat Negeri ini? Adakah Pembang-kang yang bertanggungjawab? Kita di sini datang bukan hendak meng-ambil publisiti yang boleh kita ber-cakap; aku bercakap 3 jam—aku bercakap 5 jam. Tetapi bercakap menghalang Kerajaan membuat segala rancangan-rancangan untuk faedah rakyat. Sebab itu saya kata, Tuan Speaker, setengah daripada ucapan yang dibuat oleh Ahli daripada Kawasan Kelawei ini saya setuju, tetapi saya syak adakah jujur atas ucapan itu—betul-betulkah keluar daripada hasrat dan kehendak yang betul—ini dia. Ini kenyataan yang patut rakyat semua mahu tahu. Tuan-tuan yang datang ke sini kerana apa? Kerana mahu mengambil publisiti. Esok, oh! Boleh nampak dalam surat khabar —aku bercakap banyak dalam

surat khabar, hentam Kerajaan. Hentam cara apa?

Tuan Speaker, saya tidaklah mahu bercakap panjang kerana saya fikir kita sekarang ini bukan masa untuk kita bercakap panjang. Apa yang patut kita buat ialah bekerja. Kalau kita datang bercakap hendak tunjuk siapa bercakap panjang dan itu cuma cakap yang boleh mengelirukan rakyat, saya rasa tidak guna dan sebab itu ada kadangkalanya kami pihak Kera-jaan ini—kita sedia membusu atas masa-alah yang dibawa oleh Pembangkang kerana kita tahu cakap-cakap yang di-bawa oleh Pembangkang itu cakap yang menghalang kerja-kerja Kerajaan. Ada tuduhan yang menyatakan ada Ahli-ahli dari Kerajaan tidak boleh bercakap dan yang boleh bercakap cuma Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Berjawab.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Suara apa itu dan dari mana datang pun saya tidak tahu. (Ketawa). Boleh jadi kerana Dewan ini ada hantu di dalam.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Hantu dari sana.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Dari mana? Tugas kita dalam Dewan ini ialah hendak melihat dan menengok ke-majuan yang kita dapat jalankan dan berikan kepada rakyat dan kita tahu tugas kita dikehendaki oleh rakyat dan sebagai Kerajaan kita hendak buat beberapa banyak yang boleh kita buat dengan kemampuan yang ada pada kita. Kita tidak dapat buat sesuatu jika kita tidak mampu. Kalau kita buat baju kita mesti ukur dengan badan kita dan harga baju itu dan kainnya yang macam mana mesti ikut kemampuan kita dan begitu juga kalau dia hendak berbuat dia mesti menge-tahui dengan keadaan dan kemampuan seperti wang dan berbagai-bagai lagi. Saya rasa kemajuan ini kita boleh buat dalam Negeri kita adalah dengan kita kurangkan bercakap macam yang kita buat sekarang. Jadi saya rasa

rakyat kita setelah kita capai kemerdekaan beberapa tahun ini rakyat telah jemu, rakyat telah jemu dengan cakap-cakap politik yang banyak, rakyat telah jemu. Apa yang rakyat hendak sekarang, tunjuk, hasil, tunjuk kerja-kerja yang boleh memberi keuntungan kepada mereka. Dengan sebab itu, saya fikir dan saya merayu kepada Ahli-ahli khasnya Parti Pembangkang kita kurangkanlah sedikit cakap-cakap politik ini dan mari kita bekerja bersama-sama untuk pembangunan untuk faedah rakyat Negeri ini. Ini saya minta. Saya tahu bercakap tadi, saya kata tujuan kita masuk Coalition—masuk Kerajaan Campuran inilah tujuan kami yang besar—tujuannya bekerja bukan tujuan hendak bercakap fasal politik. Tujuan kita bekerja memberi sesuatu kepada rakyat yang hingga hari ini kita sudah capai kemerdekaan dan kita sedar ada beberapa banyak yang dapat kita buat lagi hendak membina—hendak membina satu negeri bukan mengambil masa satu tahun ataupun satu bulan—negeri yang maju mengambil masa berpuluh-puluh tahun bahkan beratus tahun untuk membangunkan negeri itu. Kita baru Merdeka kita terpaksa bekerja kuat untuk membangunkan Negeri kita—lupakan masaalah politik dan pertentangan politik seperti yang ada dalam Negeri ini. Ini yang kita mahu dan patut Wakil-wakil Rakyat yang ada ini keluar berjumpa rakyat dan menerangkan kepada rakyat apa yang sepatutnya mereka buat dengan hasrat yang ada dengan Kerajaan sekarang dan minta rakyat umum bekerja dengan Kerajaan dan dengan kerjasama baru dapat bergerak bersama-sama dengan pergerakan diantara Kerajaan dengan rakyat dan bersama-sama menerima rancangan-rancangan ini barulah kita dapat masuk dan mempermajukan Negara kita sebenarnya. Dengan seberapa yang lekas seperti mana yang dikehendaki oleh Parti Pembangkang, bukan jadi obstruction, jadi penghalang. Lagi satu Tuan Speaker, adalah masaalah bagaimana rakyat boleh terima. Tadi saya kata kalau sekiranya hari ini Ahli daripada Wakil Rakyat yang ada dalam Dewan ini dapat menolong

Kerajaan dengan keluar dan menerangkan kepada rakyat apa yang sepatutnya dibuat sekarang ini saya merayu kepada rakyat pula supaya tampil, ke hadapan sekarang bersama-sama dengan Kerajaan menyambut apa juga rancangan yang dibuat oleh Kerajaan bukan untuk faedah Kerajaan tetapi untuk faedah mereka.

Kalau sekiranya ada perkara-perkara boleh jadi dalam masa-masa kita membuat pembangunan rakyat akan mendapat sedikit sebanyak kesusahan dan kesusahan ini menjadi satu cabaran kepada mereka. Dan kita minta kalau boleh mereka itu mengubah sikap mereka yang lama kepada sikap yang baru yang dikatakan revolusi mental yang kita harap bahawa rakyat boleh terima dan boleh kita jalankan segala rancangan-rancangan kita.

Saya rasa dengan adanya kerjasama yang baik daripada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri, saya percaya rakyat akan menerima faedah-faedah daripadanya. Dan kalau rakyat-rakyat kita yang ada di luar bandar akan menerima dan merasa akan nikmat ini bagaimana yang dirancang iaitu berhubung dengan ekonomi, pembangunan ekonomi baru dan saya harap seperti yang saya terangkan tadi Kerajaan Negeri memang sedar atas kelemahan sesuatu itu yang membawa kita bersama-sama ke zaman lama dalam segi bidang ekonomi kepada seluruh rakyat Negeri kita. Kita harap sekarang ini supaya rakyat memberi kerjasama dan kerjasama yang telahpun mereka berikan itu kita bagi pihak Kerajaan bersyukur dan berterima kasih dan berharap yang mereka akan tampil ke hadapan bekerja lebih kuat dari apa yang ada pada hari ini.

Saya, lagi satu, cuma ingin bawa kepada pengetahuan Dewan ini dengan adanya Kerajaan Campuran ini, kita ada Majlis-majlis macam Consultative Committee, Consultative Council. Dalam mesyuarat-mesyuarat ini kita bangkitkan masaalah berkenaan dengan hilangnya mata pencarian oleh sebab ada beberapa item barang-barang ini yang telah keluar dan masuk dalam kawasan Kastam. Saya masih ingat lagi apa yang telah dijanjikan oleh Yang

Berhormat Menteri Kewangan sendiri iaitu Pulau Pinang akan dapat sebagai satu daripada bantuan atas kehilangan-kehilangan ini. Dan kita harap dengan adanya rancangan-rancangan dan dengan adanya kerjasama dengan Kerajaan Pusat dan bantuan yang diucapkan atau yang dicakapkan oleh Menteri Kewangan itu dapat kita terima dan hasilnya kepada rakyat.

Saya fikir cukuplah, Tuan Speaker, kalau bercakap panjang pula tidak guna—sebab saya tidak mahu bercakap banyak—kalau saya hendak bercakap boleh bercakap lagi.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Minyak tidak cukup.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Bukan fasal minyak tidak cukup, air pun lebih.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Air mahal. Pakai caltex.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Esso pun ada.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Taukeh Esso.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ismail bin Hashim): Saya tidak suka kita buang masa Dewan kita. Kalau boleh kita selesaikan masalah ini seberapa cepat yang boleh dan kita dapat bekerja lagi untuk faedah rakyat.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam bahas Usul ini dan saya minta kebenaran bercakap dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Speaker, Sir, we on this side of the House wish to thank his Excellency the Governor for his very courteous speech which covers a wide aspect of projects and developments in the State of Penang, some of which are being implemented, some are in the course of being implemented, some are being closely considered and set for implementation, while others are completed.

Tuan Speaker, Sir, after having been left in the cold doldrums with the gradual erosion of the free port and entrepot trade within this region, Penang

languished in a pitiful state of stagnation. But we are very happy now that our plans and our early efforts to re-establish Penang as an advanced and progressive State are now beginning to crystallize into a concrete shape. Tuan Speaker, Sir, this is very much in evidence in the development that is going on in places and in localities such as the Prai Industrial Estate, Bayan Lepas, the north coast around Batu Ferringhi and Tanjong Bungah, Bagan Serai in Province Wellesley, and Pulau Jerejak. And anyone who has visited these places will agree that the pace of change and development has been really fantastic. Tuan Speaker, Sir, we are not blowing our own trumpets, as the results of our efforts are beginning to surface and to reveal themselves. Visitors and foreigners to the State who have seen the various spheres of development are in fact blowing the trumpet very loud for us. And with your permission, Sir, I like to show to the House two copies of (gangguan).

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): You are advertising for the Company, is it?

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): With your permission, Sir, I would like to quote from the "*Malaysian Business*" of February, 1973. This is a magazine printed by the *Straits Times*; not by Gerakan.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): By the Alliance.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): "Today a vigorous brain drain has set in, as professional people, executives and skilled workers move back to good jobs in the State where they were born." But yesterday the Opposition were making allegations that there was a brain drain from Penang to the other States. And it went on further, "Unemployment is down sharply, probably from round about 14% at its height to about 11%; and new jobs are being created so rapidly that further decline seems certain". Decline not in the sense of decline in Penang, but decline in unemployment.

Tuan Speaker, Sir, as already mentioned, throughout the period of nine years from 1960 to 1969 we had only some 15 factories, with employment for 24,000. Now, within a short space of four years we have now proved to you that we have 52. And on top of this we are having another 70 factories.

Tuan Speaker, Sir, unemployment used to be the scourge of our State, with the unemployment figure of 39,000. And that figure was being challenged by the Honourable Member for Kelawei who was asking how we managed to get the figure.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Dengan izin: I think you are wrong. I never challenged the original unemployment figure of 39,000 or 40,000. What I challenged was the subsequent figure. Even what you read there says 11%.

Ahli Yang Mampengerusikan: Will the Honourable Member please address the Chair.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): The member for Tanjong Barat reads that as 11%. And now in the space of a few months you have subtracted another percentage—10%. So even what you read contradicts what you say.

Ahli Yang Mampengerusikan: Again, may I remind you to address the Chair.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Precisely. So you are wrong.

Ahli Yang Mampengerusikan: No, no. Again please address the Chair.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Mr Speaker, Sir, I think the Members of the Government should either clean their ears, or try to take a tape recording of what we (gangguan).

Ahli Yang Mampengerusikan: No, no. I was saying to you, Honourable Ahli from Kelawei, address this Chair; and don't address a Member as "you".

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): He also said, 'you'. That is the whole trouble. (*ketawa*).

Ahli Yang Mampengerusikan: You may look as if you are talking to him, but calling me.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): So the point is that I wish Members of the Government would remember what we say. I never said that. I think you will recall I never said I questioned the figure. I do not know how he attributes things like that to me. I feel very sad about it.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Thank you, thank you. At least I believe that was the figure quoted by someone from the Opposition.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Don't blame me like that. (*ketawa*).

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Sir, on top of this 39,000 we have yearly a figure of 7,000 school-leavers for which we have to create employment. But with the success that we have obtained in the establishment of factories, and in attracting foreign investors, as already mentioned—and here I crave your indulgence in allowing me to repeat—there is something like about 30,000 jobs. And it could be a continuing 30,000, thereby helping to reduce unemployment in Penang. This is best confirmed by a very independent and authoritative magazine, Malaysian Business. And Tuan Speaker, Sir, it is our fear that at this present rate of development in the State of Penang our problem will no longer be the creation of jobs, but will be a problem of how to secure workers for the factories.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): At \$2 a day?

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): I will come to that. You need not worry.

Tuan Speaker, Sir, this is in fact our problem. And I am very proud to say that unlike the early stage of our efforts

in bringing industries into the State of Penang, where we were very keen on labour-intensive industries in order to create employment, we have now come to a stage where we can select the type of industries.

On the question of unemployment the Honourable Member for Tanjong Bungah and the Honourable Member for Ayer Itam have touched on a great deal. I do not know whether the Honourable Member for Tanjong Bungah is blind—excuse me for using the word—or he is at least deaf, because he said that there was no development in Penang. Come on, let's face facts. And a fact is a fact. To anyone who has gone to all the places that I named—Bayan Lepas, the North Beach, Batu Ferringhi, Prai and Pulau Jerajak—it will be seen that these places are throbbing with activities. It is only the blind who cannot see it; and it is only the deaf who have not heard about it. If foreigners who have come all the way here can praise the development of Penang it is really a surprise for an Honourable Member of this House not to have known of such development in the State.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Soo Giap): Tuan Speaker, dengan izin: Could I clarify? Thank you.

Sir, I think I said the rate of economic growth was not fast enough to keep pace with the ever-increasing number of people who are looking for jobs. I did not say there was entirely no development. The rate of economic development was very slow.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Thank you for the clarification.

At least the Honourable Member for Ayer Itam is honest enough about the development in Penang. But his fears were that the development may go to such an extent that our State would turn into a concrete jungle. Correct me if I'm wrong.

Tuan Speaker, the success of the electronics factory in Penang has proved to the people of Penang, and also to

the rest of Malaysia, the dynamism . . . (gangguan).

Ahli Yang Mempengerusikan: Honourable Member for Tanjong Barat, the success of the electronics factory in Penang has been mentioned before. Let us not repeat the success of electronics. Think of it similarly when you talk about the failure of electronics. Let it not be repeated also.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): I should correct myself. I would say the success of the industry. At least it brings to ridicule the earliest scoffings of the D.A.P. You people scoffed at it you know. Here, I would like to repeat again with your indulgence that at the earlier stage of this industry these were the very people who said, "You produced 60 jobs, and no more".

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): Mr Speaker, Sir, dengan izin:

Now, please again do not distort. What I said is that the Penang Electronics factory produced only 60 jobs. And I still further say that it is running at a loss. It is a fact. I have distinguished between Penang Electronics producing so-called consumer electronic goods, and those factories producing integrated circuits just for re-export to their mother companies.

Ahli Yang Mempengerusikan: Honourable Member for Kelawei, on the question of number you have clarified your point.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Tuan Speaker, Sir, at best it was just a guess from him. And, of course, being bankrupt of criticism—and I use the word "envious"—they are envious of the success of the Penang State Government. Yes, let's be honest enough. Well, the D.A.P. faithfully attempts to criticise the lower wages.

Ahli Kawasan Kelawei (Encik Yeap Ghim Guan): You have said that before.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Let me say here: You can check with the older staff of the

electronics industry affected. They are now earning more. It is only the new recruits that have been paid \$2. Many of them are now drawing \$3.40, \$3.80 a day. Tuan Speaker, Sir, any sensible person would certainly agree that it would be better to get a job first and work one's way up for increments later on, rather than not to have a job and be earning nothing. For those of us who can afford, especially those who can have luxurious air-conditioned offices, they can afford to criticise. Your office too. Don't point there.

Ahli Yang Mampengerusikan: Honourable Member, please address the Chair.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Sorry, Sir.

Tuan Speaker, anyway critics of this industry cannot run away from one fact; and that is that we are creating the jobs, and we are delivering the goods as promised to the people of Penang in March, 1969.

Tuan Speaker, in spite of our success in attracting industry to Penang we are, however, confronted with one very important problem; and that is the scarcity of land, because our State incidentally seems to be one of the smallest States in Malaysia, with an area of 388 square miles. Our problem becomes much more acute when we take into consideration that the State holds something like 27,000 acres of mostly swampy lands and hill lands. And this holding accounts for 9.5% of our total land area. So you can imagine our problem. State land is very limited. And that is why I was quite surprised to hear Members like the Honourable Member for Ayer Itam mention about the State Government acquiring more land. Surely as an Honourable Member of the State Government, knowing the problems of the State Government, and knowing the amount of holdings the

State Government has, if we want to go into industry, and if we want to attract investors to come to Penang, we have to acquire the land, whether we like it or not. And in answer to the Honourable Member for Bagan Ajam who was accusing the Government of acquiring land and selling the land, naturally you have to acquire the land. And when industrialists come to set up factories we alienate the land to them for factories.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, on a point of clarification, dengan izin:

I was referring to the selling of land acquired for public purposes, just like low-cost housing. I do not mean selling the land to the industrialists which is for the purpose for which the land is acquired.

Ahli Kawasan Tanjong Barat (Encik Teh Ewe Lim): Thank you for making the clarification, because if you do not clarify I do not know what you meant.

Therefore, Tuan Speaker, Sir, whenever development takes place the State Government is inevitably forced to acquire land by compulsory acquisition. And this in turn caused the State Government to dig into its very limited financial resources.

Ahli Yang Mampengerusikan: Honourable Members of the House, today is the fourth day of the Sitting; and most Members have indicated to me that the first night's sitting almost knocked them out, and that there is general consensus of opinion that today we should knock off early. I therefore adjourn the House till 9.30 tomorrow morning.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.31 petang sehingga 25hb Mei, 1973, jam 9.30 pagi.